



PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN FAKULTI

FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM & SUMBER ALAM (FKASA)

Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) ditubuhkan pada tahun 2002 dan telah memulakan sesi pengambilan pelajar pertama pada sesi kemasukan 2003/2004. Antara objektif penubuhan FKASA adalah untuk melahirkan dan melatih jurutera profesional dalam bidang kejuruteraan awam serta melaksanakan penyelidikan dalam bidang pembinaan dan pembangunan sumber alam.

Pada masa kini, FKASA menawarkan tiga program akademik di peringkat prasiswazah iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (BAA), Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Persekitaran) (BAE) dan Diploma Kejuruteraan Awam (DAA). Fakulti juga menawarkan program Sarjana Kejuruteraan (Kejuruteraan Awam) dan Doktor Falsafah (Kejuruteraan Awam) bagi peringkat pengajian siswazah.

Di samping pengajaran, FKASA juga menyediakan perkhidmatan teknikal dan perundingan kepada pihak industri. CELS (*Civil Engineering Laboratory Services*) adalah merupakan sebuah makmal di FKASA yang menyediakan perkhidmatan pengujian dalam bidang Kejuruteraan Alam Sekitar. Makmal ini telah mendapat pengiktirafan dan persijilan MS ISO/EIC 17025:2005 oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) untuk UMP membudayakan usaha-usaha pembangunan dan penyelidikan (R&D) dalam merealisasikan konsep universiti-industri bagi mencapai objektif Pelan Perancangan Strategik UMP 2011-2015.



Aktiviti Utama Fakulti 2011

Majlis Syarahan Umum Profesor UMP

Majlis Syarahan Umum Profesor telah diadakan pada 20 Julai 2011 bertempat di Dewan Astaka UMP. Siri syarahan umum ini merupakan program terancang untuk menyalur dan menyebarkan ilmu serta penemuan tokoh-tokoh terkemuka akademik kepada masyarakat yang menjadi platform untuk berbincang dan bertukar-tukar pendapat.

Pada kali ini, Majlis Syarahan Umum Profesor menyalurkan pengetahuan serta penemuan staf akademik dari FKASA iaitu Profesor Engineer Dr. Ideris Zakaria dengan tajuk syarahannya, *Structural and Thermal Performance of Concrete Made from Agricultural Waste Products; A Case Study on Oil Palm Shells (OPS) Concrete*.

Majlis ini juga telah dimanfaatkan kepada lebih 1,000 peserta yang terdiri daripada warga UMP, sekolah-sekolah sekitar Kuantan, politeknik, wakil alumni, wakil industri, ahli Lembaga Pengajian (BOS),

wakil pemeriksa luar fakulti dan Kolej Komuniti.

Pada masa yang sama pihak fakulti juga telah membuat Hari Terbuka Makmal FKASA dan pameran bagi memberi peluang kepada masyarakat untuk melihat sendiri hasil-hasil penyelidikan dan kemudahan yang disediakan bagi pembelajaran dan pengajaran serta peluang-peluang kerjasama bersama industri yang ditawarkan oleh pihak fakulti.

Lawatan Adjung Profesor dan Profesor Pelawat FKASA

Pada tahun 2011 juga, FKASA menerima dua lawatan dari Adjung Profesor fakulti. Antara tujuan lawatan tersebut adalah untuk memberikan khidmat nasihat dari segi pembentukan kurikulum dalam bidang pengajian, menilai kualiti soalan peperiksaan, sebagai panel penasihat industri, membantu merangka latihan industri staf dan membantu dalam bidang penyelidikan fakulti.

Lawatan dari Profesor Dato' Paduka Ir Haji Keizrul bin Abdullah telah diadakan pada 26 Januari 2011 dan turut diadakan sama perjumpaan bersama pelajar. Hasil lawatan ini, pensyarah dan pelajar tahun 3 FKASA telah menimba pengetahuan melalui Sesi Perkongsian Ilmu yang telah diadakan. Satu Mesyuarat Jawatankuasa Akademik FKASA juga telah diadakan bersama beliau bagi membincangkan hal ehwal program akademik dan penyelidikan fakulti.

Manakala lawatan dari Profesor Dr. Abdel Malek Bouazza dari Universiti Monash, Australia telah diadakan pada 25 hingga 29 Julai 2011. Lawatan beliau adalah bertujuan untuk menambahbaik dan berkongsi pengalaman berkenaan sistem akademik dan penyelidikan yang dilaksanakan di Universiti Monash Australia.

Antara program lawatan beliau di FKASA adalah Perkongsian Pengalaman bersama pelajar berkenaan pembelajaran pascasiswazah dan kehidupan pelajar di Australia. Perbincangan bersama pihak Jawatankuasa Akademik Fakulti berkenaan *Outcome Based Education* dalam pembelajaran kejuruteraan bagi perkongsian dan pelaksanaan di Universiti Monash juga telah diadakan.

Mesyuarat Bersama Panel Penasihat Industri (IAP)

Mesyuarat Bersama Panel Penasihat Industri bagi Program Kejuruteraan Awam Dengan Persekitaran (BAE) telah diadakan pada 15 Disember 2011 bertempat di Hotel M.S Garden Kuantan. Panel dari industri terdiri daripada Yang Berbahagia Dato Dr. Kamarul Najuib Che Ibrahim, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Pahang, Tuan Haji Ir. Roslan Abd Azis, Pengarah Jabatan Kejuruteraan & Penyelenggaraan MPK, Ir. Muhammad Zaki bin Mat, Jurutera Perunding Zakie Kota Bharu Kelantan dan En Lim Yow Luck, Perunding Perkhidmatan Murniniaga Makmur Pahang.

Antara agenda utama mesyuarat adalah bagi membincangkan maklumbalas dan pandangan industri berkenaan program, struktur dan kurikulum BAE yang ditawarkan oleh pihak FKASA.

Hasil maklum balas mesyuarat adalah amat penting bagi persediaan fakulti untuk menghadapi sesi penilaian pengiktirafan program BAE oleh pihak EAC (*Engineering Accreditation Council*).

Mesyuarat Bersama Panel Pakar Bagi Cadangan Penubuhan Program Teknologi Kejuruteraan

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk mendapatkan pandangan daripada panel pakar berkenaan dengan cadangan penawaran dan penubuhan program baharu teknologi kejuruteraan- *Bachelor of Civil Engineering Technology (Infrastructure Management)*. Cadangan penawaran dan penubuhan program ini adalah susulan lawatan kerja akademik Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Profesor Dr. Ideris Zakaria ke University of Southern Queensland (USQ), Australia untuk jalinan kerjasama akademik dua hala antara UMP dan juga USQ.

Antara objektif utama mesyuarat adalah untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada panel pakar berkenaan cadangan penubuhan dan penawaran program baharu teknologi kejuruteraan iaitu *Bachelor of Civil Engineering Technology (Infrastructure Management)* dan memastikan program yang ditawarkan ini adalah relevan dengan kehendak semasa industri.

Mesyuarat tersebut telah diadakan pada 20 Oktober 2011 bertempat di The Zon Hotel & The Suite Residence Kuala Lumpur. Panel pakar yang hadir ialah Emeritus Profesor Datuk Wira Ir. Dr. Haji Mohamad Noor Haji Salleh dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), Profesor Ir. Dato' Abang Abdullah Abang Ali dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Ir. Dr. Ruslan Hassan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Datuk Ir. Haji Zaimi Md Ali, Executive Director Techart Sdn. Bhd. dan Ir. Haji Mahmood Amir iaitu Penolong Setiausaha Agong, Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia.

Jadual 47: Pingat dan Anugerah Penyelidikan FKASA Tahun 2011

BIL.	PENYELIDIK	TAJUK PROJEK	PERTANDINGAN/ PAMERAN	ANUGERAH/ PINGAT
1.	Dr. Anwar Ahmad, Profesor Madya Dr. Zularisam Ab Wahid dan Abdul Syukor Abd Razak	<i>UMP CaO granules: POME for energy</i>	<i>22nd International Invention, Innovation & Technology Exhibition 2011 (ITEX'11)</i>	Emas
2.	Siti Fatimah Che Osmi, Abdul Syukor Abd Razak, Ezahtul Shareen Bt Abdul Wahab, Sazzuani Mohd Salleh, Azlina Hj Ismail, Siti Rohaida Jamaludin, Aizat Alias dan Mohd Amirulkhairi Zubir	<i>Sustainable Technology (Waste To Wealth) : Integrated Palm Oil Ash As A Filter For Treatment Palm Oil Mill Effluent (POME)</i>	Tarikh: 20 hingga 23 Mei 2011 Tempat: Kuala Lumpur Convention Center (KLCC), Kuala Lumpur	Perak
3.	Abdul Syukor Abd Razak, Profesor Dr. Ideris bin Zakaria, Profesor Madya Dr. Mohd Ismid Mohd Said dan Suryati Sulaiman	<i>Refurbishment of Domestic Wastewater via Phytogreen UMP</i>	Institut Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA'11) Tarikh: 13 hingga 15 September 2011 Tempat: Kuala Lumpur Convention Center (KLCC), Kuala Lumpur	Tempat Ke-4
4.	Noor Suraya Romali, Aimi Ilmar Ramli, Nadiyah Mokhtar dan Abdul Syukor Abd Razak	<i>Application Of N-Filter For Wastewater Treatment</i>	Bio Malaysia 2011 Tarikh: 21 hingga 23 November 2011 Tempat: Kuala Lumpur Convention Center (KLCC), Kuala Lumpur	Gangsa
5.	Siti Fatimah Che Osmi, Aizat Alias, Abdul Syukor Abd Razak dan Dr Wan Mohd Faizal Wan Ishak	<i>Sustainable Technology (Waste To Wealth): Integrated Palm Oil Ash As A Filter Media Using Solid Waste From Palm Oil Industry</i>	Seoul International Invention Fair (SIIF 2011) Tarikh: 1 hingga 4 Disember 2011 Tempat: Pacific Hoex, Seoul, Korea	Perak